

Majlis Pelancaran SDG Triangle@ UiTM

Pada 19 April 2019, telah berlangsungnya Majlis Pelancaran SDG Triangle@UiTM bertempat di Xcape Resort Taman Negara Pahang. Majlis ini merupakan kerjasama antara Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan), Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI), Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) dan UiTM Cawangan Pahang. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg Prof. Ir. Dr Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor.

Matlamat Pembangunan Lestari atau dalam bahasa Inggerisnya, Sustainable Development Goals (SDGs) merupakan agenda global yang perlu dicakna dan diberi perhatian secara serius oleh setiap ahli akademik universiti. Hal ini kerana dalam Sidang Kemuncak Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pembangunan Lestari (UN Sustainable Development Summit) di New York pada 2015, Malaysia dan negara-negara anggota lain telah sebulat suara menyatakan komitmen mereka untuk mencapai 17 matlamat pembangunan lestari menjelang tahun 2030. Sehubungan itu, sebagai sebuah institusi ilmu, UiTM juga tidak ketinggalan dalam usaha memikul tanggungjawab dan memainkan peranan yang penting dalam menujuagenda SDG dan seterusnya mewujudkan inisiatif SDG Triangle@UiTM.

Inisiatif SDG Triangle@UiTM ini diwujudkan bagi merancakkan lagi aktiviti penyelidikan di UiTM terutamanya bagi kajian-kajian yang menjurus kepada sumbangan terhadap matlamat pembangunan lestari. Menerusi inisiatif SDG Triangle@UiTM ini, satu geran penyelidikan dalaman yang bersifat seed grant telah diwujudkan. Geran penyelidikan dalaman SDG akan dibuka kepada semua dan adalah diharapkan iaanya dapat menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan. Untuk permulaan, aktiviti-aktiviti penyelidikan di bawah inisiatif ini akan tertumpu kepada kawasan-kawasan di dalam dan di sekitar segi tiga yang dipetakkan di antara empat lokasi penting iaitu Pulau Tuba, Royal Belum, Kuala Keniam dan Taman Negara Ledang.

Empat lokasi ini dipilih untuk membentuk segitiga yang secara simboliknya menjadi penjenamaan inisiatif SDG memandangkan latar belakang lokasi-lokasi ini yang dapat menyokong penyelidikan berteraskan SDG dan bersifat multidisiplin. Seterusnya, inisiatif SDG akan dikembangkan pula kepada Sabah dan Sarawak. Program Pembangunan Lestari ini akan terus dilaksanakan sehingga mencapai matlamatnya.



SIDANG REDAKSI

Penaung

Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim

Penasihat

Alfina Bakar

Ketua Editor

Mohammad Syazwan Mohd

Editor

Aida Ahmad Saipiuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik

Junaidy Talib

Penulis Berita

Nor Amirah Md Amran (Pelajar Praktikal)
Nashrah Nazila Ahmad (Pelajar Praktikal)

Jurufoto

Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran

Asura Rahman



UiTM *di hatiku*

Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor



UiTM *di hatiku*



www.uitm.edu.my



UITM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasm

Lensa Korporat: www.facebook.com/darlensakorporat